

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan skim gaji dan elaun bulanan guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) mengikut negeri bagi seluruh negara pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) adalah secara kontrak untuk tempoh satu tahun dan tidak disandarkan kepada mana-mana skim perkhidmatan. Kuasa untuk melantik guru KAFA adalah di bawah tanggungjawab **Agensi Bertanggungjawab** iaitu JAKIM (bagi negeri **Sabah**), Yayasan Islam Terengganu (bagi negeri **Terengganu**), Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri (bagi negeri **Kelantan, Pulau Pinang, Selangor dan**

Kedah) dan Jabatan Agama Islam Negeri (bagi negeri **Perlis, Perak, Pahang, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Sarawak dan Wilayah Persekutuan**).

Sehubungan itu, peruntukan bagi membiayai elaun guru Kafa disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri melalui Agensi Bertanggungjawab. Pada tahun 2010, elaun guru Kafa adalah sebanyak **RM500.00** sebulan. Mulai tahun 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan kenaikan kadar elaun guru Kafa daripada RM500.00 kepada **RM800.00** sebulan. Disamping itu, terdapat negeri-negeri yang memberi sumbangan tambahan kepada guru Kafa seperti jadual berikut :

BIL	NEGERI	ELAUN (PERUNTUKAN PERSEKUTUAN)	KWSP (CARUMAN MAJNIKAN)	SUMBANGAN NEGERI	JUMLAH
1.	KEDAH	RM800.00	RM104.00	Tauliah Jabatan Agama dan Pejabat Mufti RM162.00	RM1066.00
				Atau	
				Salah Satu Tauliah di atas RM132.00	RM1036.00
				Atau	
				Tiada Tauliah (lantikan baru) RM102.00	RM1006.00
2.	PULAU PINANG	RM800.00	RM104.00	RM50.00	RM954.00
3.	PERAK	RM800.00	RM104.00	RM200.00	RM1104.00

BIL	NEGERI	ELAUN (PERUNTUKAN PERSEKUTUAN)	KWSP (CARUMAN MAJNIKAN)	SUMBANGAN NEGERI	JUMLAH
4.	SELANGOR	RM800.00	RM104.00	RM140.00 RM400.00	RM1444.00
5.	WILAYAH PERSEKUTUAN	RM800.00	RM104.00	RM500.00	RM1404.00
6.	MELAKA	RM800.00 Berdasarkan Skim S 11	RM104.00	Elaun Tetap Perumahan RM180.00 Elaun Sara Hidup RM250.00 Elaun Tetap Khidmat Awam RM95.00	RM1429.00
7.	JOHOR	RM800.00	RM104.00	RM412.00	RM1316.00
8.	PAHANG	RM800.00	RM104.00	RM100.00	RM1004.00
9.	PERLIS	RM800.00	RM104.00	-	RM904.00
10.	NEGERI SEMBILAN	RM800.00	RM104.00	-	RM904.00
11.	TERENGGANU	RM800.00	RM104.00	-	RM904.00
12.	KELANTAN	RM800.00	RM104.00	-	RM904.00
13.	SABAH	RM800.00	RM104.00	-	RM904.00
14.	SARAWAK	RM800.00	RM104.00	-	RM904.00

Sekian, terima kasih.